



## **JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

---

### **PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 2 TAHUN 2024**

---

#### **PENGANUGERAHAN PANGKAT KEHORMAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan perintah tetap ini adalah untuk menggariskan tatacara pengurusan dan kawal selia penganugerahan Pangkat Kehormat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) agar penganugerahan dan pemakaiannya seragam, teratur dan mengikut etika ditetapkan.

#### **2. LATAR BELAKANG DAN FALSAFAH**

- 2.1 Penganugerahan Pangkat Kehormat JBPM mula diwujudkan pada tahun 2011, apabila YAS Datuk Sri Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Ke-6 JBPM telah menganugerahkan pangkat Penolong Pesuruhjaya Bomba (Kehormat) kepada YBhg. Dato' Seri Lajim Ukin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia pada tahun berkenaan.

- 2.2 Unjuran daripada sejarah ini, Pangkat Kehormat JBPM dianugerahkan kepada mana-mana penerima atau individu berasaskan kepada ketokohan, kepentingan, pengaruh, peranan dan status dalam masyarakat, kerajaan dan juga dalam badan professional/NGO, yang memberi impak yang tinggi kepada pembangunan dan kemajuan bidang kebombaan dan penyelamatan.
- 2.3 Bagi memastikan pengurusan, penganugerahan dan pemakaian Pangkat Kehormat JBPM dikawal selia dengan tersusun dan teratur maka adalah wajar diwujudkan satu garis panduan dan peraturan merangkumi aspek jawatankuasa penganugerahan, jenis dan peringkat pangkat kehormat, syarat am & khusus, bentuk majlis dan tatacara penganugerahan, cara pemakaian, kelayakan pembekalan dan pembatalan.
- 2.4 Sebagai sebuah organisasi beruniform yang progresif penuh dengan tradisi budaya/etika yang berbentuk rejimen amatlah bertepatan jabatan mewujudkan Pangkat Kehormat JBPM sejajar dengan status sebagai salah satu organisasi yang anggotanya berpegang teguh penuh ketaatan terhadap peraturan jabatan.
- 2.5 Menjadi sebahagian daripada keluarga organisasi yang berprestij serta berpegang teguh kepada etika rejimen, menerima Pangkat Kehormat organisasi berkenaan sudah tentunya akan menyebabkan penerima merasa bangga, *'heroic'* serta nasionalistik.

- 2.6 Berasaskan latarbelakang, status dan pengaruh penerima, ianya akan membawa kesan yang positif kepada pembinaan imej dan kepentingan JBPM dalam masyarakat, kerajaan dan juga badan professional/NGO.

### **3. BADAN BERKUASA PENGANUGERAHAN**

- 3.1 Jawatankuasa Penganugerahan Pangkat Kehormat (JPPK) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JBPM dengan keahlian seperti di **Lampiran A**.
- 3.2 Ianya merupakan jawatankuasa tertinggi bagi menyokong dan mengesahkan pencalonan penganugerahan setelah dibuat tapisan oleh urusetia JPPK.
- 3.3 Ianya juga merupakan jawatankuasa yang berkuasa untuk menarik semula dan membatalkan penganugerahan Pangkat Kehormat berasaskan kepada justifikasi tertentu.
- 3.4 Ketua Pengarah boleh mewakilkan Timbalan Pengerusi atau mana-mana pegawai yang merupakan Ahli Jawatankuasa untuk mempengerusikan Mesyuarat Penganugerahan Pangkat Kehormat semasa ketiadaan beliau.

### **4. JENIS, KATEGORI & PERINGKAT PANGKAT KEHORMAT**

- 4.1 Jenis, kategori dan peringkat tanda Pangkat Kehormat JBPM adalah seperti di **Lampiran B**.
- 4.2 Jenis, kategori dan peringkat tanda pangkat berkenaan boleh dipinda dan dikemaskini dari semasa ke semasa sekiranya difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Penganugerahan Pangkat Kehormat.

## **5. PROSES PENGURUSAN PENGANUGERAHAN**

5.1 Carta aliran kerja untuk proses penganugerahan Pangkat Kehormat adalah seperti di **Lampiran C**.

## **6. SYARAT DAN PERATURAN AM UNTUK PENERIMA PANGKAT KEHORMAT**

6.1 Penerima Pangkat Kehormat adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 7A Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) Pindaan 2018).

6.2 Penerima Pangkat Kehormat tidak mempunyai sebarang kuasa memerintah semasa keadaan biasa dan juga semasa kecemasan/bencana.

6.3 Penerima Pangkat Kehormat tidak diperuntukkan nombor badan anggota JBPM.

6.4 Penerima Pangkat Kehormat tidak diperuntukkan atau dilayakkan dengan sebarang gaji, elaun atau tuntutan kewangan daripada JBPM.

6.5 Penerima Pangkat Kehormat tidak ditetapkan untuk menghadiri sebarang program latihan kebombaian sebagai pra-syarat penganugerahan.

6.6 Penerima Pangkat Kehormat akan dibekalkan dengan dua jenis pakaian seragam lengkap JBPM iaitu Pakaian Nombor Dua (2) dan Pakaian Nombor Empat (4). (Seperti di **Lampiran D**).

6.7 Pakaian seragam yang layak diterima oleh penerima Pangkat Kehormat akan dibekal dan ditanggung oleh JBPM. Pembekalan dan tanggungan oleh JBPM hanya sekali sahaja iaitu semasa majlis/acara penganugerahan. Segala

kos selenggaraan pakaian berkenaan akan ditanggung oleh penerima.

## **7. ACARA PENGANUGERAHAN PANGKAT KEHORMAT**

- 7.1 Masa dan bentuk majlis/acara penganugerahan Pangkat Hormat JBPM kepada penerima adalah ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- 7.2 Penganugerahan Pangkat Kehormat kepada penerima hanya boleh dilakukan oleh Ketua Pengarah JBPM.
- 7.3 Susun atur atau protokol majlis/acara penganugerahan Pangkat Kehormat hendaklah diurus selia oleh Bahagian Pengurusan Korporat JBPM mengikut etika dan ketertiban ditetapkan.

## **8. PEMAKAIAN PANGKAT KEHORMAT**

- 8.1 Penerima Pangkat Kehormat JBPM hanya dibenarkan memakai pakaian seragam Pangkat Kehormat lengkap semasa majlis/acara rasmi JBPM yang memerlukan pemakaiannya.
- 8.2 Jenis pakaian samada Pakaian Nombor Dua (2) atau Nombor Empat (4) yang digunakan dalam mana-mana majlis/acara rasmi JBPM bergantung kepada etika pakaian yang ditetapkan oleh penganjur majlis/acara yang menjemput.
- 8.3 Pemakaian pakaian seragam Pangkat Kehormat JBPM di dalam majlis/acara rasmi lain, hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah JBPM terlebih dahulu oleh pihak penerima Pangkat Kehormat.

- 8.4 Kedudukan tempat duduk penerima Pangkat Kehormat di sesuatu majlis/acara rasmi JBPM adalah bergantung kepada susun atur semasa yang ditetapkan oleh JBPM.

## 9. PEMBEKALAN

- 9.1 Penerima Pangkat Kehormat JBPM adalah layak untuk menerima pembekalan seperti berikut:-
- 9.1.1 Pakaian Seragam Nombor Dua (2) Lengkap
  - 9.1.2 Pakaian Seragam Nombor Empat (4) Lengkap
  - 9.1.3 Surat Watikah Penganugerahan (**Lampiran E**)
- 9.2 Pembekalan ini hanya layak diberi sekali iaitu semasa majlis/acara penganugerahan.

## 10. PEMBATALAN PENGANUGERAHAN PANGKAT KEHORMAT

- 10.1 Penerima Pangkat Kehormat JBPM boleh secara sukarela memohon agar penganugerahan Pangkat Kehormat dibatalkan di atas sebab-sebab tertentu.
- 10.2 Penerima Pangkat Kehormat boleh dibatalkan apabila penerima berkenaan tidak lagi menjawat jawatan yang membolehkan beliau menerima penganugerahan berkenaan.
- 10.3 Penerima Pangkat Kehormat JBPM boleh dibatalkan penganugerahannya sekiranya penerima telah melakukan sesuatu perbuatan, tindakan atau kelakuan yang menjejaskan imej/nama baik JBPM. (Carta aliran proses pembatalan adalah seperti **Lampiran F**)
- 10.4 Sekiranya penerima Pangkat Kehormat yang telah dibatalkan penganugerahannya ingin memohon penyambungan

penganugerahan tersebut, maka pemohon hendaklah mengemukakan semula surat rasmi kepada JBPM bagi tujuan tersebut.

## 11. TARIKH KUATKUASA

11.1 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil. 2/2024 ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.


## 12. PEMBATALAN

12.1 Dengan berkuatkuasa Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil. 2/2024 ini maka Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2016 terbatal.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATUK TS. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: 3 Mac 2024

## LAMPIRAN A

### JAWATANKUASA PENGANUGERAHAN PANGKAT KEHORMAT

Pengerusi : Ketua Pengarah

Timbalan Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Setiausaha Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat


Ahli Jawatankuasa : Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat;  
Pengarah Bahagian Latihan ;  
Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran;  
Ketua Unit Integriti;  
Pengarah Pengurusan

## LAMPIRAN B

PANGKAT	PENERIMA	TANDA PANGKAT
KETUA PESURUHJAYA BOMBA (KEHORMAT) [ KPjB (K)]	DYMM SULTAN / RAJA / YANG DIPERTUAN BESAR / TYT	
PESURUHJAYA BOMBA (KEHORMAT) [ PjB (K)]	RAJA MUDA / TENGKU MAHKOTA / PERDANA MENTERI / TIMBALAN PERDANA MENTERI	
TIMBALAN KANAN PESURUHJAYA BOMBA (KEHORMAT) [ TKPjB (K)]	RAJA DIHILIR / TENGKU TEMENGGONG / MENTERI / MENTERI BESAR / KETUA MENTERI/ KSN	
TIMBALAN PESURUHJAYA BOMBA (KEHORMAT) [ TPjB (K)]	KPPA/ SPEAKER / TIMBALAN MENTERI / KSU / SUK / EXCO	
PENOLONG KANAN PESURUHJAYA BOMBA (KEHORMAT) [ PKPjB (K)]	TKSU / AHLI PARLIMEN / ADUN / NAIB CANSOLOR / KETUA JABATAN / DUTA / DATUK BANDAR	
PENOLONG PESURUHJAYA BOMBA (KEHORMAT) [ PPjB (K)]	KETUA JABATAN/ DATUK BANDAR / SETIAUSAHA POLITIK / PENASIHAT KHAS	
PENGUASA KANAN BOMBA I (KEHORMAT) [ PgKB I (K)]	PEGAWAI KANAN AGENSI / PENERUSI NGO's / PEGAWAI KANAN UNIVERSITI	
PENGUASA KANAN BOMBA II (KEHORMAT) [ PgKB II (K)]	INDIVIDU YANG BERJASA	

## LAMPIRAN C

### Carta Alir Proses Penganugerahan Tanda Pangkat Kehormat



## LAMPIRAN D

### CADANGAN PEMBEKALAN PAKAIAN DAN AKSESORI KEPADA PENERIMA PANGKAT KEHORMAT JBPM

#### PAKAIAN NO. DUA (2) (BUSH JACKET)



#### AKSESORI DIBEKALKAN

- 1) PEAK CAP
- 2) TANDA PANGKAT (KEHORMAT)
- 3) UNIFORM NO 2 (BUSH JACKET)
- 4) BUTANG BAJU
- 5) LANYARD MERAH
- 6) LENCANA SEDIA MENYELAMAT
- 7) TONGKAT
- 8) KASUT PEJABAT
- 9) *GORGET/ COLLAR BADGE*

## PAKAIAN NO. EMPAT (4) (CELORENG)



### AKSESORI DIBEKALKAN

- 1) BERET
- 2) LENCANA KOLAR / GORGET
- 3) TALI PINGGANG (*BUCKLE CLIP*)
- 4) TANDA PANGKAT CELORENG
- 5) TANDA NAMA
- 6) KASUT BUT JENIS BERTALI



**Dengan Nama Allah,  
Tuhan Yang Maha Pemurah  
Lagi Maha Mengasihani**

Setinggi-tinggi puji bagi Allah Pencipta Alam segala rantau  
dalamnya, mengedarkan cakerawala dan bintang dengan peredaran  
masing-masing dan yang menjadikan alam ini siang dan malam.  
Demikian pula berkuasa mengurniakan kepada hambaNya bagi  
menyandang bintang kebesaran dan kemuliaan, demikianlah tanda  
keagongan dan kebesaranNya.

dianugerahkan sebagai

pada ..... Hijrah bersamaan

..... Masehi.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



### Carta Alir Proses Pembatalan Tanda Pangkat Kehormat

